



**DERAF TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUPAN PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN  
AGRO PELANCONGAN**

***MALAYSIA AGRICULTURE, HORTICULTURE AND AGROTOURISM  
SHOW***

**(MAHA 2022)**

**14 OGOS 2022**

**RUJUK SALUTASI DI LAPANGAN**

Terima kasih saudara pengacara majlis

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI HJ AHMAD BIN HAMZAH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

**YANG BERTHORMAT DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI  
SALLEH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

**YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Pengurusan Tertinggi MAFI

Pengerusi-Pengerusi Agensi

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi MAFI

Dif-Dif kehormat

Rakan-Rakan Media

Seterusnya saudara dan saudari khususnya para petani, peladang, penternak, nelayan dan pengusaha sektor agromakanan di seluruh negara yang saya sanjungi dan kasihi sekalian

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

1. Sejak **4 Ogos** yang lalu kita telah berkampung di MAEPS dan hari ini kita bertemu pada **Majlis Penutup Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) Tahun 2022**.
2. Sesungguhnya, **sambutan Keluarga Malaysia terhadap MAHA kali ini sungguh luar biasa dan membanggakan** selepas kali terakhir MAHA dianjurkan 4 tahun yang lalu. Pandemik COVID-19 menghalang penganjuran MAHA yang sepatutnya diadakan pada tahun 2020.
3. Penantian 4 tahun ini menjadikan MAHA kali ini, MAHA yang terbesar dari segi jumlah pengunjung mahupun nilai jualan.
4. Ketika kita berada di dewan ini, mahupun Keluarga Malaysia yang sedang menonton secara langsung di kaca televisyen di luar sana, kehadiran jumlah pengunjung MAHA 2022 dicatatkan **telah pun melebihi 1.4 juta pengunjung iaitu 1.2 juta pengunjung secara fizikal dan 266 ribu pengunjung secara maya. Manakala, jumlah nilai jualan telah melangkaui 260 juta ringgit.**

**TERIMA KASIH KELUARGA MALAYSIA!!! TERIMA KASIH  
KELUARGA MALAYSIA!!!**

5. Bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), saya rakamkan ucapan **tahniah serta setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak termasuk warga MAFI, jabatan dan agensi kerajaan merentasi pelbagai kementerian, para penaja serta pihak swasta dan syarikat individu yang telah bersama-sama menjayakan penganjuran MAHA 2022.**

6. Tidak dilupakan juga para **pengunjung, petani, penternak, nelayan, usahawan tani serta pemain industri agromakanan dari seluruh pelosok negara yang telah hadir** memeriahkan pameran ini. Saudara dan saudarilah tunjang kekuatan dan kejayaan penganjuran MAHA sebagai pameran pertanian terbesar yang sentiasa dinantikan oleh Keluarga Malaysia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

7. Penganjuran MAHA 2022 telah menampilkan 22 segmen khusus untuk **mengangkat sektor agromakanan sebagai salah satu sektor yang berpotensi untuk diceburi oleh seluruh lapisan masyarakat selain memacu pemulihan sektor agromakanan dan membantu usahawan tani menjana pendapatan.**
8. Sehubungan itu, pemilihan **tema MAHA 2022** iaitu **Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan atau “Food Security for the Future”** adalah sangat bertepatan dengan tumpuan yang diberikan oleh Kerajaan termasuk bagi **memperkuh agenda sekuriti makanan negara dalam mendepani pelbagai cabaran.**
9. Apatah lagi, MAHA kali ini dianjurkan pada ambang bermulanya pelaksanaan **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** yang turut mendokong falsafah yang sama.
10. Pelbagai pengisian, aktiviti dan program seperti **Agro-Edutainment, Agro-Youth, Agro-Tourism, Agro-Trade, Agro-Culinary, Agro Tech, MySeafoodExpo, Agro-Business, Agro-Job Fair, Agro-Food Mekanisasi, Agro-Lifestyle** dan sebagainya telah dianjurkan dengan jayanya.

11. Program-program yang dianjurkan ini telah menampilkan **pelbagai inovasi moden dalam sektor agromakanan berasaskan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) sekaligus menyuntik semangat keusahawanan khususnya dalam kalangan belia.**
12. MAHA 2022 melibatkan **1,500 ruang pameran dan jualan** yang meliputi **laman-laman dan pavilion-pavilion negeri** serta **tidak ketinggalan makanan popular Malaysia di *Food Empire*** yang mempromosi dan menonjolkan kepelbagaian makanan warisan, *fusion* dan viral dari setiap negeri.
13. MAHA 2022 turut memberi ruang dan peluang kepada peniaga-peniaga kecil untuk **menjual produk-produk mereka setelah sekian lama berdepan kesukaran pemasaran berikutan pandemik COVID-19.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

14. Mengimbas kembali sejarah kejayaan MAHA sebelum ini, sebagaimana yang saya katakan tadi, tahun ini merekodkan nilai **jualan keseluruhan yang paling tinggi iaitu 260 juta ringgit merangkumi jualan langsung, jualan dalam talian serta padanan perniagaan** melibatkan lapan (8) syarikat pemasar dari luar negara. Pemadanan lapan (8) syarikat pemasar ini akan membawa hasil serta produk agromakanan tempatan ke pasaran antarabangsa.
15. Manakala, potensi pembiayaan yang direkodkan oleh Agrobank pula **melibatkan 3,111 permohonan dengan jumlah keseluruhan sebanyak 503 juta ringgit.**

16. Di samping itu, MAHA kali ini juga telah menyaksikan **pemeteraian tiga puluh tiga (33) perjanjian Memorandum Persefahaman (MoU) melibatkan nilai pelaburan lebih 5.64 bilion ringgit.** Perjanjian kerjasama ini melibatkan pebagai pihak terdiri daripada pengusaha antarabangsa dan pengusaha tempatan.
17. Saya berharap agar segala bentuk kerjasama yang telah dimeterai ini **dapat direalisasikan supaya ianya dapat dan terus menyumbang kepada pembangunan sektor agromakanan negara.**
18. Sementara itu, Program Jamin Kerja dalam segmen *Agro Job Fair* telah **menawarkan lebih 15 ribu peluang kerjaya khususnya** kepada golongan muda dan graduan dalam sektor agromakanan.
19. Saya gembira melihat **kehadiran dan penyertaan ramai anak muda dalam MAHA.** Sesungguhnya, penglibatan anak muda ini akan dapat merealisasikan hasrat Kerajaan untuk meremajakan sektor agromakanan negara sekaligus **menjamin kesinambungan dan kemajuan sektor ini.**
20. Angka-angka yang saya sebutkan tadi membuktikan bahawa kita telah berjaya **melempi sasarannya yang ditetapkan dalam pengajuran MAHA 2022. Sekali lagi, syabas saya ucapkan kepada semua!**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

21. Sebagai tanda penghargaan kepada agensi dan jabatan serta pempamer terhadap kerjasama dalam menjayakan MAHA 2022, 3 anugerah khas akan disampaikan hari ini iaitu, **Anugerah Pavilion Negeri Terbaik, Anugerah Segmen Paling Viral dan Anugerah Jualan Paling Tinggi.**

22. Bagi menampilkan kelainan pada edisi MAHA 2022, satu lagi **Anugerah Istimewa** akan diberikan kepada pengunjung MAHA ke satu juta satu ratus ribu satu (1,100,001).
23. **Tahniah kepada semua pemenang-pemenang yang berjaya!** Semoga kemenangan ini menjadi inspirasi untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan pada edisi akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

24. Menyusuli amanat **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri** dalam ucapan perasmian yang lalu, **Kerajaan kekal komited dalam usaha untuk menangani manipulasi 'orang tengah' dan membanteras 'kewujudan kartel' dalam sektor pertanian dan industri makanan.**
25. Dalam hal ini, MAFI akan terus memastikan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi supaya **rangkaian bekalan makanan tidak dimanipulasi dan bekalan makanan negara sentiasa tersedia, boleh diakses, selamat serta mampan seiring dengan kerangka sekuriti makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO).**
26. Dalam memastikan dimensi ketersediaan dan kebolehcapaian bekalan makanan, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi memastikan **sistem makanan negara lebih berdaya tahan dan mampan.**
27. Sesungguhnya, sistem makanan yang cekap dan berdaya tahan akan meningkatkan **pendapatan pengeluar makanan di sepanjang rantai makanan serta berupaya menyediakan makanan berkhasiat dan berpatutan kepada Keluarga Malaysia.**

28. Dalam hal ini, saya menyeru agar semangat jitu yang dipaparkan oleh anda semua sebagai Keluarga Malaysia dapat kita teruskan dan perkuatkan, untuk **memajukan dan mentransformasikan sektor agromakanan negara beraspirasikan ‘Food Security is a Shared Responsibility’** demi jaminan sekuriti makanan di masa hadapan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

29. Sebagai sebuah pameran pertanian mega di peringkat kebangsaan yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh rakyat Malaysia, **penganjuran MAHA setiap kali diberikan suatu pembaharuan.**
30. Sehubungan itu, **MAHA Tahun 2024 akan dianjurkan sebagai sebuah pameran** pertanian mega dengan lebih memperluaskan penyertaan lebih ramai para pempamer dan rakan-rakan strategik dari luar negara.
31. Ini selari dengan usaha Kementerian untuk memantapkan **kolaborasi antarabangsa bagi memperkukuh rantai nilai eksport dan meningkatkan pertumbuhan pasaran selain menambah baik akses pasaran luar negara bagi pengeluar makanan tempatan.**
32. Pada masa yang sama, **pameran dan aktiviti berkaitan agromakanan di MAEPS juga perlu diteruskan sepanjang masa.** Sebagai permulaan, **laman padi akan menjadi anak angkat kepada MAFI melalui Bahagian Pembangunan Industri Padi bersama Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS)** untuk dijadikan sebagai **tapak agro-pelancongan yang kekal dan pusat latihan** kepada peserta, penyelidik dan sebagainya.



33. Seiring dengan **semangat** ini, saya menyeru agar lebih banyak pihak **berkepentingan termasuk sektor swasta akan turut sama menyumbang dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan MAEPS sebagai hub agro-pelancongan untuk mempromosikan kepada umum semua subsektor agromakanan.**
34. Selain itu, fasiliti kesemua **Pavilion Negeri** juga boleh digunakan secara optimum bagi terus menonjolkan **keunikan kesenian budaya dan kepelbagaian produk agromakanan di Malaysia.**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

35. Akhir kata, kepada Keluarga Malaysia yang saya kasihi, saya sekali lagi merakamkan **penghargaan kepada anda semua, termasuk para pengunjung yang memberikan sokongan penuh terhadap penganjuran MAHA 2022.**
36. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak termasuk sekretariat, petugas keselamatan, agensi-agensi kerajaan merentasi pelbagai kementerian, para penaja dan sektor swasta yang bersama-sama menjayakan MAHA 2022.
37. Dengan kata-kata itu, sukacita saya **merasmikan Majlis Penutupan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) Tahun 2022.**

**TERIMA KASIH KELUARGA MALAYSIA!!!**

# MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



**JUMLAH PENGUNJUNG  
LEBIH 1.4 JUTA**  
(Fizikal & Maya)

**NILAI JUALAN**  
**RM260,000,000**

# TERIMA KASIH

#KELUARGA  
MALAYSIA

# 22 SEGMENT

**Agro-Tech  
Agro-Lifestyle  
Agro-Tourism  
Agro-Youth  
Agro-Edutainment**

**Agro-Trade  
Agro-Job Fair  
Agrobased & Agroculinary  
Malaysian Seafood Expo (MySE)  
Pameran HPPNK  
AgroBusiness**

**Pavilion Negeri  
Laman Padi  
Miracle Garden  
Laman Nanas  
Laman Sayur dan Herba**

**Laman Ternakan  
Laman Perikanan  
Laman Jentera  
Castle of Fruit  
Food Empire  
Food Truck**

# TEMA MAHA 2022

"SEKURITI MAKANAN UNTUK MASA DEPAN"

*"FOOD SECURITY FOR THE FUTURE"*

# **DASAR AGROMAKANAN NEGARA 2021-2030 (DAN 2.0)**



**1,500**

**RUANG PAMERAN & JUALAN,  
LAMAM & PAVILION NEGERI**

# PADANAN PERNIAGAAN (*BUSINESS MATCHING*)

8 SYARIKAT PEMASAR LUAR NEGARA

**POTENSI PEMBIAYAAN**

**AGROBANK**

**RM503 JUTA**

**(3,111 PERMOHONAN)**

**33 MOU DENGAN**

**NILAI PELABURAN**

**RM5.64 BILLION**

# PROGRAM JAMIN KERJA

**LEBIH 15,000 PELUANG KERJAYA  
DALAM SEKTOR ARGOMAKANAN**

# AGENDA MEREMAJAKAN SEKTOR AGROMAKANAN

# ANUGERAH KHAS

ANUGERAH PAVILION NEGERI TERBAIK

ANUGERAH SEGMENT PALING VIRAL

ANUGERAH JUALAN PALING TINGGI

# ANUGERAH ISTIMEWA

PENGUNJUNG SECARA FIZIKAL BERTUAH

**KE-1,100,001**



# KERANGKA SEKURITI MAKANAN

**KETERSEDIAAN**

**KESELAMATAN MAKANAN**

**KEBOLEHCAPAIAN**

**KESTABILAN & KEMAMPAHAN**

***"FOOD SECURITY IS A  
SHARED RESPONSIBILITY"***

# MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show



**LAMAN PADI AKAN MENJADI ANAK ANGKAT  
KEPADA MAFI MELALUI BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI BERSAMA  
BERNAS UNTUK DIJADIKAN  
SEBAGAI TAPAK AGRO-PELANCONGAN**

# MAEPS SEBAGAI HUB AGRO-PELANCONGAN SEMUA SUBSEKTOR AGROMAKANAN

**FASILITI KESEMUA PAVILION NEGERI  
DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM BAGI  
MENONJOLKAN KEUNIKAN KESENIAN  
BUDAYA DAN KEPELBAGAIAN  
PRODUK AGROMAKANAN DI MALAYSIA**

# TERIMA KASIH



# MAHA 2022

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

